

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : SUKPHG-9.100-7/5/3 Jld. 3 (21)
Tarikh : 15 Januari 2024

Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan

Semua Pegawai Daerah

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Badan Berkanun Negeri / Persekutuan

Semua Bahagian / Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

Sahibus Samahah Dato' Sri / YAA Dato' / YB Dato' Indera / YH Dato' / Tuan / Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
SEKTOR AWAM PAHANG (KIKSAP) PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL
MAKMUR TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini akan menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Pahang (KIKSAP) Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur tahun 2024 pada bulan Oktober ini sebagai salah satu usaha menyemarakkan budaya inovasi dan kreatif di kalangan penjawat awam.
3. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menjemput semua Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan di Negeri Pahang Darul Makmur untuk menyertai KIKSAP Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur bagi tahun 2024. Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari laman sesawang Sistem PIKIR melalui pautan <https://pikir.pahang.gov.my> atau mengimbas **Kod QR**. Pencalonan penyertaan akan dibuka mulai bulan **Februari 2024**.



4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Sahibus Samahah Dato' Sri / YAA Dato' / YB Dato' Indera / YH Dato' / tuan / puan, boleh menghubungi urus setia seperti berikut :

- i) Tuan Ts. Muhaimin Mustaqim bin Jamaludin
Emel : muhaimin.mustaqim@pahang.gov.my
No. Tel : 09-513 9440
- ii) Puan Siti Fatihah binti Che Mood
Emel : fatihah.cm@pahang.gov.my
No. Tel : 09-516 1345
- iii) Puan Wan Munira binti Wan Ismayudin
Emel : munira@pahang.gov.my
No. Tel : 09-516 3403

5. Selanjutnya, saya berharap agar semua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Negeri Pahang Darul Makmur dapat memberi sokongan dalam menjayakan KIKSAP Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur tahun 2024. Akhir kata, saya merakamkan jutaan terima kasih di atas perhatian dan keprihatinan Sahibus Samahah Dato' Sri / YAA Dato' / YB Dato' Indera / YH Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini.

Sekian.

"Mudah, Cepat, Telus"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI HAJI ZULKIFLI BIN HAJI YAACOB, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)